AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL PAGE: 5 PRINTED SIZE: 166.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 2,809.00 ITEM ID: MY0049645645

19 SEP, 2022

Bantuan puluhan juta ringgit kepada sektor tani terjejas bah

Berita Harian, Malaysia

Bantuan puluhan juta ringgit kepada sektor tani terjejas bah

Beluran: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyalurkan puluhan juta ringgit dalam bentuk bantuan tunai dan peralatan kepada sektor pertanian yang terkesan bencana alam termasuk banjir, setiap tahun.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata kementerian sentiasa mengambil tindakan bagi mengurangkan impak terhadap tanaman dan ternakan menerusi jabatan dan agensi di bawah MAFI yang sentiasa bersiap siaga, terutama dalam menghadapi banjir pada setiap penghujung tahun.

"Walaupun bencana seperti banjir sentiasa berlaku, magnitudnya berbeza. Contohnya pada tahun lalu, tahap banjir di seluruh negara agak kritikal dan memberi impak kepada sektor agromakanan.

"Tahun ini juga tidak banyak bezanya dan kita sentiasa siap siaga agar impaknya dapat dikurangkan," katanya selepas merasmikan Program Semarak Tani Keluarga Malaysia di sini, semalam.

Ronald berkata, golongan nelayan, petani, peladang dan penternak adalah komuniti penting yang harus dijaga kerajaan sejajar Dasar Agromakanan Negara demi kelangsungan sekuriti makanan negara.

Mengenai Program Semarak Tani Keluarga Malaysia, beliau berkata program itu rangkuman produk di bawah MAFI bertujuan membantu memperkasa komuniti agromakanan luar bandar, selain menyampaikan maklumat tentang pendekatan serta dasar terkini kerajaan secara terus kepada rakyat pada peringkat lapangan.

"Program ini ialah usaha MAFI bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas secara langsung komuniti agromakanan terhadap impak pelaksanaan dasar dan pendekatan kerajaan melalui kementerian serta memberikan jaminan terhadap komitmen dan usaha berterusan kerajaan bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup mereka," katanya.

Pada program itu, Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran turut menyaksikan sesi penyerahan Pasar Tamu Beluran baharu yang dibangunkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan kos RM746,000 kepada Majlis Daerah Beluran.

Beliau turut mengumumkan penubuhan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Paitan yang juga PNK ke-15 di Sabah, serta proses penubuhan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Telupid, yang kini pada peringkat akhir.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL PAGE: 5 PRINTED SIZE: 166.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 2,809.00 ITEM ID: MY0049645645

19 SEP, 2022

Bantuan puluhan juta ringgit kepada sektor tani terjejas bah

Berita Harian, Malaysia

SUMMARIES

Beluran: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyalurkan puluhan juta ringgit dalam bentuk bantuan tunai dan peralatan kepada sektor pertanian yang terkesan bencana alam termasuk banjir, setiap tahun. Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata kementerian sentiasa mengambil tindakan bagi mengurangkan impak terhadap tanaman dan ternakan menerusi jabatan dan agensi di bawah MAFI yang sentiasa bersiap siaga, terutama dalam menghadapi banjir pada setiap penghujung tahun. “Walaupun bencana seperti banjir sentiasa berlaku, magnitudnya berbeza.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.